

## Hanya 500 masjid tubuh koperasi

**Port Dickson:** Hanya 500 daripada keseluruhan 6,500 masjid di seluruh negara atau 0.07 peratus yang menubuhkan koperasi.

Presiden Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) Datuk Abdul Fattah Abdullah sentiasa menggalakkan setiap masjid menubuhkan koperasi untuk mengembangkan ekonomi masyarakat setempat.

“Kekuatan ekonomi perlu membangunkan masyarakat Islam dengan menubuhkan koperasi di masjid. Ini secara tidak langsung membolehkan fungsi masjid lebih luas dan bukan saja tempat beribadat, malah manfaat lain boleh diperoleh.

“Setiap tahun, ANGKASA

memperuntukan infaq RM1 juta untuk membantu pelbagai pihak seperti pembinaan Dewan Makan Kompleks Pengajian Anak Yatim Dan Warga Emas Darul Widad,” katanya selepas merasmikan Surau Darul Widad di Linggi di sini, kelmarin.

Menurutnya, ANGKASA membantu usahawan Islam membeli premis perniagaan bagi membantu mereka berniaga.

“Buat masa sekarang, ANGKASA menimbang membeli premis perniagaan bernilai RM4 juta di Cyberjaya. Kami berbincang dengan syarikat Islam menge luarkan produk halal bergabung dengan pelbagai organisasi untuk menguruskannya.

“Kami (ANGKASA) memberi bantuan mesin dialisis di hospital kerajaan untuk kegunaan orang ramai,” katanya.

Sementara itu, Pengerusi Kompleks Pengajian Darul Widad Abdul Rahim Maamor berkata, fasa pertama pembinaan kompleks ini siap se-penuhnya yang menelan kos RM2.7 juta hasil sumbangan orang ramai.

“Untuk fasa kedua, kami membina satu dewan dan asrama anak yatim lelaki dan memerlukan dana sekurang-kurangnya RM1 juta lagi.

“Pembinaan fasa pertama ini siap selepas dua tahun pembinaannya dan pengambilan pelajar dijangka bermula April ini,” katanya.

Perpustakaan Koperasi  
Malaysia